

Bil. (14) dlm. JK/IP 39/54-A

Jabatan Kehakiman,
Mahkamah Persekutuan,
Kuala Lumpur 01-02.
8hb. November, 1979.

Semua Yang DiPertua, Mahkamah Sesyen Malaysia.

Semua Majistret, Mahkamah Rendah Malaysia.

Semua Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Malaya dan Borneo.

Semua Penolong Pendaftar, Mahkamah Tinggi Malaya dan Borneo.

Semua Pendaftar, Mahkamah Sesyen Malaysia.

Tuan,

Pekeliling Pendaftar (A) No. 4/79

Borang Permohonan Untuk Bertukar.

Saya adalah diarah merujuk kepada perkara diatas dan memaklumkan dengan hormatnya bahawa Pentadbiran ini sering menerima permohonan yang dikemukakan oleh Pegawai atau kakitangan Jabatan. Manakala Pentadbiran ini menerima permohonan yang tuan panjangkan itu, Pentadbiran ini berasa ragu hendak memberi keputusan disebabkan kekurangan makluman yang perlu untuk pertimbangan bagi memberi keputusan atas permohonan itu.

2. Oleh yang demikian mulai daripada tarikh Pekeliling ini, mana-mana pegawai/kakitangan dibawah jagaan Pentadbiran ini, yang ingin memohon bertukar tempat bertugas hendaklah menggunakan borang seperti contoh yang dikepilkan. Borang seperti contoh dikepilkan hendaklah ditaip oleh pihak tuan dan diisi sebanyak 3 salinan. Selepas itu kemukakan dua salinan ke Pentadbiran ini dengan menggunakan sepucuk surat yang mengandungi lapuran tuan atas permohonan pertukaran itu. Jika sekiranya tuan dapati lapuran tuan itu perlu disulitkan maka pihak tuan hendaklah mengemukakan lapuran tuan dalam sampul surat sulit supaya kandungannya tidak diketahui oleh

mana-mana pihak yang berkenaan untuk kepentingan kelincinan perjalanan Pentadbiran. Manakala memanjangkan borang yang telah diisi itu, sila sebutkan nombor fail Peribadi Pegawai/Pekerja berkenaan yang ada di ibu Pejabat. Nombor fail Peribadi itu boleh diperolehi dari Laporan Perubahan.

Demikianlah dimaklumkan dan kehendak Pekeliling ini hendaklah diikuti dengan sertamerta.

Saya yang menurut perintah,

(ABDUL RAZAK BIN MOHD NORDIN)

b.p. KETUA PENDAFTAR

s.k.

1. Penolong Pegawai Pentadbir,
Jabatan Kehakiman,
Kuala Lumpur.

BORANG PERMOHONAN UNTUK BERTUKAR

- A. Nama Pegawai: _____
- B. Jawatan: _____
- C. Gaji Sebulan: _____
- D. Tarikh Mula Berkhidmat di Pejabat Sekarang: _____
- E. Pejabat-Pejabat Yang Pernah Berkhidmat dan Tarikh-Tarikhnya:

- F. Nama Pejabat Sekarang: _____
- G. Nama Pejabat Tempat Yang DiPinta DiTukarkan:-

- H. Bujang/Berkahwin: _____
- I. Tanggungan:

<u>Bil.</u>	<u>Nama Tanggungan</u>	<u>Perhubungan Tanggungan dengan Pemohon</u>	<u>Kerja Tanggungan</u>

- J. Sebab-Sebab ,memohon pertukaran: _____

Nama Pejabat: _____

Tarikh: _____ (Nama dan Tandatangan Pemohon)

(Ingatan: 3 salinan borang semacam ini hendaklah diisikan dan dihantarkan 2 salinan ke Ibu Pejabat melalui Ketua Pejabat yang akan memberi comment dalam surat pemanjangan itu).